

08 NOV 2011  
U.R.D  
M.B.P.J.

# Awas minyak kitar semula

Sinar Harian  
8/11/11  
m/s 3

■ NUR FARHANA ABD MANAN

**SERDANG** - Pihak berkuasa digesa mengadakan pemantauan lebih drastik berikutan kebimbangan pengguna terhadap kemungkinan berlaku penjualan minyak masak kitar semula akibat kenaikan harga barangan kawalan itu.

Timbalan Presiden Lembaga Pelindung dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM), Dr Lee Nan Sang berkata, pihaknya menerima aduan pengguna yang risau minyak masak kitar semula dijual dalam paket secara berleluasa di pasaran.

Menurutnya, jika perbuatan dipercayai dilakukan sindiket itu tidak dibendung, ia bakal memberi kesan buruk dalam jangka masa panjang bukan sahaja terhadap kesihatan dan persekitaran, malah ekonomi.

Katanya, penggunaan minyak kitar semula dalam masakan turut mengundang pelbagai penyakit.

"Aktiviti menjual minyak masak kitar semula dengan mencampurkan minyak baru dan lama, memang berlaku dan ia memberi keuntungan jutaan ringgit kepada pihak tidak bertanggungjawab.



**Nan Sang (kiri) bercakap kepada pemberita ketika sidang media di pejabat LPKPM di Serdang Perdana, semalam.**

"Sindiket ini dikesan membeli minyak masak terpakai yang diproses dan menjualnya semula dalam bentuk paket," katanya.

Beliau berkata, sindiket terbabit biasanya akan mengambil sisa minyak terpakai di restoran atau hotel dan ada yang menyediakan tong atau peti simpanan untuk mengitar semula minyak.

Nan Sang memberitahu, minyak

masak dikitar semula menjadi biodiesel tetapi sebaliknya, ada segelintir pihak cuba mengaut keuntungan dengan menjual minyak masak kitar semula.

"Kita gesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) buat siasatan terhadap dalang sindiket yang menjual minyak masak kitar semula ini kerana ia adalah se-

suatu yang serius.

"Wajar kementerian mengenal pasti kilang betul-betul mengeluarkan minyak masak mematuhi semua undang-undang dan peraturan ditetapkan," katanya.

Beliau menjelaskan, aktiviti kutipan dan jualan minyak masak terpakai adalah salah dan melanggar undang-undang serta pengguna terutama beragama Islam, pasti akan ragu-ragu dengan minyak masak bercampur dengan minyak masak terpakai daripada pelbagai sumber.

"Kita bimbang dengan keadaan ekonomi sekarang, pengguna yang kurang berkemampuan terpaksa mencari minyak masak lebih murah dan mungkin tertipu membeli minyak masak kitar semula.

"Justeru, saya gesa pengguna lebih berhati-hati, jangan mudah terpedaya atau berkompromi dengan harga murah ketika membeli minyak masak, terutama ditawarkan di kedai runcit dan pasar malam," katanya.

Beliau turut menggesa orang ramai memaklumkan kepada pihak berkuasa jika ada urusan niaga mencurigakan berhubung penjualan minyak masak di kawasan mereka.